



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **MPSPK** adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebut harga di bawah ini.

BIL	TAJUK	NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG
1.	Sebut Harga Membekal dan Menghantar Batu Kerikil dan Pasir Untuk Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah Darul Aman	No. 14/2020 (PER)	090101 atau 090199

Harga Dokumen : **RM 10.00** Senaskhah (Tunai)

Dokumen tawaran ini boleh didapati di Seksyen Perolehan, Jabatan Kewangan, Tingkat 4, Menara MPSPK mulai **11 Jun 2020** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad hingga Rabu : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
2.15 petang hingga 4.45 petang

Khamis : **8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari**
2.15 petang hingga 3.15 petang

Pembekal atau wakil pembekal dikehendaki membawa dokumen asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan **Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal** yang dikeluarkan oleh MPSPK.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **18 Jun 2020**, jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri, bertulis nama tawaran dan nombor sebut harga dan dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** atau dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebut harga di **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan), Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.